



**SENARAI SEMAK PERMOHONAN TARAF KEWARGANEGARAAN  
PERKARA 19 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

**1) ISI DAN LENGKAPKAN BORANG C**

- a) 3 keping gambar terbaru berukuran pasport berlatar belakang warna biru pemohon (**subjek**)
- b) Bayaran pendaftaran permohonan RM10.00

**2) DOKUMEN PEMOHON (ASAL & SALINAN)**

- a) Kad Pengenalan (MyPR)(**mandatori**)
- b) Sijil Kelahiran/Cabutan Sijil Kelahiran terbaru/Sijil Anak Angkat (**mandatori**)
- c) Permit Masuk atau Cabutan Butir-Butir dari Daftar Kad Pengenalan (**mandatori**)
- d) Pasport atau lain-lain dokumen perjalanan (**setiap muka surat dokumen**)
  - i) Pasport/dokumen perjalanan pertama kali tiba di Malaysia
  - ii) Pasport/dokumen perjalanan Permit Masuk dikeluarkan
  - iii) Pasport/dokumen perjalanan dalam tempoh 12 tahun sebelum permohonan (**mandatori**)
  - iv) Pasport/dokumen perjalanan semasa (**mandatori**)
  - v) Surat Pengesahan daripada Kedutaan (**maklumkan status dokumen perjalanan bagi tempoh 12 tahun terkini**) atau pengesahan tidak memiliki apa-apa dokumen perjalanan)

**3) DOKUMEN IBU, BAPA, SUAMI, ISTERI, ANAK-ANAK & ADIK BERADIK (SALINAN)**

- a) Kad Pengenalan MyKad (jika ada)
- b) Sijil Kelahiran atau Cabutan Sijil Kelahiran terbaru (jika ada)
- c) Sijil Warganegara (jika ada)
- d) Dokumen perjalanan (jika ada)
- e) Dokumen Perkahwinan

**4) DOKUMEN (2) ORANG PENYOKONG (SALINAN)**

- a) Kad Pengenalan (**mandatori**)
- b) Sijil Kelahiran/Cabutan Sijil Kelahiran Terbaru (**mandatori**)
- c) Sijil Warganegara (**mandatori**)

Penyokong mestilah seorang warganegara yang telah dikenali oleh pemohon tidak kurang dari 10 tahun dan berumur 21 tahun ke atas. Penyokong tiada talian persaudaraan (cth: kawan/jiran/majikan) dan bukan diupah (peguambela/peguamcara) serta tidak perlu hadir semasa pendaftaran permohonan.

**5) DOKUMEN TAMBAHAN**

- a) Maklumat Persekolahan pemohon (Sijil Persekolahan / Diploma/Ijazah/ Kemahiran) (jika ada)
- b) Maklumat pekerjaan pemohon (Pengesahan Majikan / Sijil Perniagaan) (jika ada)
- c) Maklumat pemilikan harta pemohon & pasangan (jika ada)

**PERINGATAN:**

1. Pemohon perlu hadir di hadapan Pendaftar Warganegara semasa pendaftaran permohonan dan berpakaian kemas.
2. Semua salinan hendaklah dalam kertas saiz A4.
3. Jika kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara, sediakan terjemahan dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan dalam Bahasa Melayu atau Inggeris oleh Mahkamah / Konsul / Penterjemah Awam
4. Sajian dokumen kelahiran / perkahwinan / persekolahan di luar negara perlu disahkan oleh pihak Perwakilan Malaysia di negara kelahiran kanak-kanak atau di Kedutaan negara kelahiran kanak-kanak di Malaysia dan disahkan semula oleh Kementerian Luar Negeri (Wisma Putra) di Putrajaya, Kuching atau Kota Kinabalu.
5. **Mandatori** = Perlu dikemukakan jika orang yang hendak didaftarkan (subjek)/Ibu/Bapa/adik beradik pernah memiliki dokumen berkenaan
6. Pihak JPN dan KDN berhak meminta apa-apa dokumen tambahan jika perlu.
7. Tuan/Puan diingatkan bahawa sekiranya kenyataan dokumen-dokumen yang dikemukakan itu palsu, tuan/puan boleh didakwa di bawah Seksyen 16(1)(a) Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara dua tahun atau denda sebanyak RM1,000.00 atau kedua-duanya.